

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 10 DISEMBER 2020 [KHAMIS]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah benar bahawa Ketua Setiausaha beliau telah membuat permohonan tentang Projek Sisa Pepejal Taman Beringin sebanyak RM170.3 juta tanpa persetujuan beliau dan apakah arahan bertulis yang dikeluarkan oleh mantan Menteri Kewangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, projek ini merupakan projek rundingan terus yang telah diluluskan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 3 November 2017. Mesyuarat tersebut telah bersetuju melantik syarikat Bumi Segar Indah Sdn. Bhd. (BSI) untuk Projek Mereka Bentuk, Membina dan Mengoperasikan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Baharu di Taman Beringin, Kepong dengan kadar yuran *tipping* sebanyak RM49.00/tan selama 6 tahun dan opsiyen untuk memperbaharui operasi adalah selama 6 tahun berikutnya.

2. Selepas perubahan Kerajaan susulan Pilihan Raya Umum Ke - 14 (PRU14), Kementerian Kewangan (MOF) telah mengemukakan surat bertarikh 21 Ogos 2018 agar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meneliti keperluan pembinaan projek ini dan meminta KPKT mengemukakan permohonan baharu kepada MOF untuk penilaian semula keperluan pelaksanaannya. Setelah beberapa siri rundingan dilaksanakan, KPKT telah mengemukakan cadangan baharu pelaksanaan projek ini dengan pengurangan kadar yuran *tipping* kepada RM43.20/tan dan perkara ini telah dipersetujui oleh MOF pada 20 Februari 2019.

Sekian, terima kasih.